



## Usim tingkat tahap pendidikan anak Orang Asli

**B**ERTEMAKAN 'Parallax Your Eyes', kumpulan Duta Jauhar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terdiri daripada 15 ahli dari pelbagai fakulti giat menjalankan khidmat komuniti bersama masyarakat Orang Asli di Segamat Kecil, Segamat, Johor melalui penganjuran program 'Development Education of Orang Asli (DE'ASLI)' dan Kembara Bahasa.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula 2 hingga 4 Oktober lalu itu turut mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka serta Yayasan Pelajaran Johor.

Objektif utama penganjurannya

adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap pentingnya pembelajaran kepada anak-anak, selain memberi motivasi dan menaikkan semangat dalam kalangan mereka untuk bersaing dengan masyarakat bandar yang jauh lebih maju dari pelbagai aspek.

Selain itu, kumpulan Duta Jauhar USIM turut membantu anak-anak Orang Asli dari segi pendidikan iaitu dengan membangunkan modul Enjoy Fun Learning (EFL) iaitu dengan kaedah pembelajaran pelbagai dengan lebih santai, lebih menarik serta penuh pengetahuan.

Antaranya, permainan matematik, kelas

bahasa Arab, tutor dan mengadakan sudut pembelajaran.

Menurut Ketua Duta Jauhar 2.0 USIM, Muhammad Asyraf Amran, DE'ASLI merupakan sebuah projek yang bertujuan menaiktaraf pendidikan Orang Asli dengan menggunakan modul EFL.

Program ini dijalankan secara berkala dari semasa ke semasa bermula Julai hingga November 2015 ini.

"Bagi program kali ini, kumpulan Duta Jauhar USIM membuat jalinan kerjasama bersama pihak-pihak luar dan agensi-agensi kerajaan dalam usaha menerbitkan sebuah

buku mengenai adat resam masyarakat kaum Jakun. Buku ini dirancang untuk diedarkan ke seluruh institut pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai buku rujukan utama bagi mengetahui kehidupan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

"Begitu juga mengenai kerjasama bersama Yayasan Daerah Segamat dalam mewujudkan pelaksanaan khusus iaitu sukarelawan-sukarelawan yang akan memastikan kelangsungan projek ini dalam membangunkan pendidikan masyarakat Orang Asli khususnya di Kampung Orang Asli Segamat Kecil", katanya. - **DHIYAZULHILMI DAUD**